



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


13 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 257 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 243,495 kes. Tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Keningau dan satu (1) kes di Tambunan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 135 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 235,946 orang. Manakala 747 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 408 orang di hospital, 330 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 31 orang merangkumi 29 di ICU/repurposed kritikal *care* serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 11 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 27 (29.03%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tongod berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan sedikit penurunan kes-kes baharu hari ini sebanyak 23 kes berbanding semalam. Jumlah kes baharu ialah sebanyak 257 kes.
- b. Jumlah kes-kes baharu di Kota Kinabalu terus bertambah dengan 65 kes hari ini, 12 kes lebih tinggi berbanding semalam. Secara keseluruhan lapan (8) daerah merekodkan kes dua (2) angka, 15 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan empat (4) lagi daerah tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Terdapat 12 daerah mencatatkan penurunan kes harian dengan dua (2) daerah, Kinabatangan dan Ranau merekodkan pengurangan yang agak baik masing-masing dengan 24 kes dan 18 kes lebih rendah berbanding semalam. Sembilan (9) daerah lagi mencatatkan peningkatan kes harian dengan tiga (3) daerah menunjukkan peningkatan kes yang agak tinggi iaitu Tuaran (+22 kes), Kota Kinabalu (+12 kes) dan Sandakan (+10 kes). Sejumlah enam (6) daerah kekal sebagaimana catatan semalam.
- d. Sebanyak 254 daripada 257 kes yang direkodkan adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat dua (2) kes dalam Kategori 3 dan tiada kes dalam direkodkan dalam Kategori 4 dan 5. Pihak JKNS masih lagi membuat penilaian ke atas satu (1) kes.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (146) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	3	1.17%
2	Bergejala	93	36.19%
3	Kontak	146	56.81%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	15	5.83%
JUMLAH		257	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (12 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 12/01/2022	Catatan Kes 13/01/2022	Perbandingan
1	Tuaran	11	33	+22
2	Kota Kinabalu	53	65	+12
3	Sandakan	10	20	+10
4	Tongod	1	4	+3
5	Kudat	1	3	+2
6	Nabawan	0	2	+2
7	Kota Belud	8	9	+1
8	Beaufort	6	7	+1
9	Beluran	0	1	+1
10	Penampang	19	19	Mendatar
11	Kuala Penyu	11	11	Mendatar
12	Tawau	5	5	Mendatar
13	Kunak	1	1	Mendatar
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Semporna	0	0	Mendatar
16	Kinabatangan	26	2	-24
17	Ranau	33	15	-18
18	Kota Marudu	17	8	-9
19	Tenom	12	7	-5
20	Telupid	5	0	-5
21	Sipitang	6	2	-4
22	Papar	20	17	-3
23	Tambunan	8	6	-2
24	Putatan	7	5	-2
25	Pitas	3	1	-2
26	Lahad Datu	2	0	-2
27	Keningau	15	14	-1
JUMLAH		280	257	-23

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (30 Disember – 12 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	45	16	0	4	65	563
Tuaran	0	24	9	0	0	33	353
Sandakan	0	11	8	0	1	20	86
Penampang	0	8	10	0	1	19	277
Papar	0	10	7	0	0	17	183
Ranau	3	8	0	0	4	15	235
Keningau	0	9	5	0	0	14	155
Kuala Penyu	0	11	0	0	0	11	96
Kota Belud	0	6	3	0	0	9	247
Kota Marudu	0	5	2	0	1	8	126
Tenom	0	0	7	0	0	7	91
Beaufort	0	1	4	0	2	7	115
Tambunan	0	1	4	0	1	6	88
Putatan	0	1	4	0	0	5	82
Tawau	0	3	2	0	0	5	55
Tongod	0	0	4	0	0	4	21
Kudat	0	1	1	0	1	3	31
Kinabatangan	0	0	2	0	0	2	38
Sipitang	0	1	1	0	0	2	55
Nabawan	0	0	2	0	0	2	30
Pitas	0	0	1	0	0	1	16
Kunak	0	1	0	0	0	1	8
Beluran	0	0	1	0	0	1	33
Telupid	0	0	0	0	0	0	25
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	29
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
JUMLAH	3	146	93	0	15	257	3,051

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Jalan Kem Bina	3
Jumlah		3

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,093 unit

- Hospital 1,246 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,657 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.25%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 13 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	253
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	257

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Korea Selatan	1
Singapura	1
Jumlah	2

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Kelantan	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	255
Bukan Malaysia	2
Jumlah	257

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	42
Belum Menerima Vaksin	20
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	166
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	29
Jumlah	257

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1 to 5	14
6 to 11	27
12 to 17	19
18 to 25	44
26 to 59	124
>60	28
Jumlah	257

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 12 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 13,081 orang. Daripada jumlah ini, seramai 12,976 orang adalah penduduk dewasa dan 105 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 12 Januari 2022 adalah seramai 2,451,535 orang. Ini meliputi 2,114,749 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.67% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,406,836 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,094,694 orang atau 75.94% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,786 orang atau 77.60% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,142 atau 71.92% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,937** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 14,740 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 48 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 166 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) kes di bawah Akta Kastam 1967 dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah serta Akta Imigresen 1959/63
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 325 premis perniagaan dan 351 individu di 18 kawasan. Lima (5) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Golden Borneo Shine Sdn. Bhd. (2 Orang), My Pretzels Sdn. Bhd., Indah Permai (2 Orang) dan Raihan Chicken Rice (1 Orang). Dua (2) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik gagal memastikan pekerja mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di My Pretzels Sdn. Bhd., Menggatal dan Golden Shine Sdn. Bhd., Indah Permai.
 - ii Sebanyak 840 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak lapan (8) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Keningau
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 158 Premis Perniagaan melibatkan 336 anggota APM. Sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 58 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.

- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 135 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	98.2%
2	Kinabatangan	98.2%
3	Kunak	98.2%
4	Tenom	98.1%
5	Beaufort	98.1%
6	Kota Marudu	98.1%
7	Semporna	98.1%
8	Kota Kinabalu	98.1%
9	Lahad Datu	98.1%
10	Keningau	98%
11	Sandakan	98%
12	Kudat	98%
13	Ranau	98%
14	Sipitang	98%
15	Kota Belud	98%
16	Tuaran	97.8%
17	Penampang	97.8%
18	Tawau	97.8%
19	Papar	97.8%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II